

**Perkasa sifatkan ucapan PM untuk rakyat
Utusan Online
3 Disember, 2012**

PASIR MAS 2 Dis. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) menyifatkan ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak bukan sahaja untuk ahli parti itu serta Barisan Nasional (BN) tetapi melibatkan seluruh rakyat negara ini.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, negara sudah mencapai tahap yang amat membanggakan dan harus terus digerakkan ke hadapan oleh kerajaan yang mempunyai rekod terbaik.

Malah katanya, Perkasa berpendapat tidak ada pilihan yang terbaik untuk menggantikan kerajaan sedia ada dan rakyat perlu memberikan sokongan berterusan.

"Sokongan untuk UMNO dan BN bukan bagi pemimpinnya tetapi negara kerana konsep yang diterapkan BN berjaya menjamin kesejahteraan negara.

"Sejarah membuktikan segala-galanya, oleh itu saya berpendapat kita harus benar-benar ikhlas dan tidak mengutamakan kepentingan peribadi bagi memastikan kegemilangan ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Kesyukuran Polis Bersama Masyarakat Jasamu Dikenang di Pondok Polis Chekok, To' Uban di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Polis Kelantan, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman; Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Lay Yong Heng dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Che Johan Che Pa.

Pada majlis tersebut beliau turut menyampaikan sumbangan kepada dua anggota polis, Koperal Samsul Anuar Adnan, 27, dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gua Musang dan Mohd. Suhaimi Md. Razali, 25 dari IPD Bentong, Pahang.

Samsul Anuar cedera ditembak di Gua Musang manakala Mohd. Suhaimi dikelar ketika bertugas di kawasanya. Kedua-duanya adalah anak jati Cekok dan dicerderakan oleh penjenayah yang sama, Zawa Abd. Halim.

Zawa ditembak mati pada 30 Oktober lalu dalam kejadian berbalas tembak apabila cubaannya untuk melepaskan diri dari sekatan polis di Kilometer 45 Jalan Machang-Kuala Krai, Machang gagal.

Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas berkata, Najib telah melakukan transformasi yang amat baik dari semua aspek di negara ini.

"Saya berharap transformasi ini tidak tersekat, lihat sahaja pelbagai program untuk rakyat telah dilaksanakan dan ia perlu diteruskan dengan sokongan berterusan daripada rakyat.

"Kita memerlukan pemimpin yang berfikiran jauh serta dasar yang baik daripada sesebuah parti yang memerintah, BN telah membuktikan semuanya," katanya.

Source:

http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno&y=2012&dt=1203&pub=umno&sec=Berita&pg=bu_04.htm